

**Perhimpunan Agung Umno dijadual Disember**  
**Malaysian Insider**  
**July 29 , 2013**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

Umno akan mengadakan Perhimpunan Agung tahunan mereka bermula 2 hingga 7 Disember depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan perkara itu ketika sidang media di Ibu Pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra lewat petang tadi.

Presiden Umno itu juga berkata sehubungan itu, pendaftaran calon bagi jawatan di peringkat Bahagian, Sayap dan Majlis Tertinggi pada 7 September sementara pemilihan serentak bagi sayap dan pergerakan pada 28 September.

Mesyuarat Perwakilan Bahagian dan pemilihan serentak Majlis Tertinggi pula jelas Najib akan dilakukan pada 5 Oktober.

"Tahun ini tahun pertama Perlembagaan baru Umno akan dikuatkuasakan. Justeru kaedah pemilihan jawatan dalam parti berdasarkan Perlembagaan baru telah diputuskan Majlis Tertinggi," kata Najib kepada pemberita.

Dalam sidang media tersebut, Najib turut berkata, keahlian Umno kini mencecah 3.4 juta ahli, dengan pertambahan sebanyak 11,3959 sejak Januari hingga 22 Julai tahun ini.

Daripada jumlah itu, keanggotaan ahli biasa adalah 9,043, Pergerakan Wanita 17, 841; Pergerakan Pemuda;48,867 dan Pergerakan Puteri 38,208.

Selaras dengan pindaan Perlembagaan parti majoriti Melayu itu, dianggarkan lebih 150,000 perwakilan Umno daripada 191 bahagian di seluruh negara akan membuat pilihan dalam pemilihan tersebut.

Najib turut menyuarakan harapan dengan pindaan berkenaan anggota parti akan memilih pemimpin yang boleh meletakkan parti itu pada asas yang lebih kukuh.

"Kita harap pemimpin yang dipilih nanti boleh diterima parti dan rakyat ... kita mahu pemimpin yang berjaya dalam parti dan juga dalam pilihan raya.

"Kita harap Umno boleh diterima sebagai parti pilihan rakyat, sebab itu kita kena ketengahkan barisan pemimpin yang diterima rakyat dan mampu mencerminkan imej yang positif," katanya kepada pemberita. - 26 Julai, 2013

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perhimpunan-agung-umno-dijadual-disember>

